

Unsur penanda wacana dalam teks ucapan Belanjawan 2019

ABSTRAK

Teks ucapan dianggap sebagai wacana yang sempurna dengan wujudnya penghubung yang bertunjangkan semantik antara komponen teks. Pertalian yang dikenali sebagai penanda wacana ini membolehkan ayat-ayat dalam perenggan disusun dengan baik sehingga urutan maklumat menjadi lancar dan mudah difahami. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk mencungkil pelbagai unsur penanda wacana dan rasional penggunaannya dalam teks ucapan Belanjawan 2019 sebagai salah satu cara untuk mengalirkan mesej penting kepada khalayak ramai. Teks ucapan ini merupakan strategi belanjawan parti gabungan Pakatan Harapan yang pertama apabila memegang tampuk pemerintahan kerajaan Malaysia yang baharu. Penyelidikan ini merupakan kajian berbentuk deskriptif yang menggunakan kaedah kualitatif. Kerangka pemikiran adverbs anafora Asmah (2008) dan teori Nahu Fungsian (Halliday & Matthiessen, 2014) telah dijadikan pegangan dalam proses penyelidikan. Berdasarkan hasil kajian, terdapat pelbagai jenis unsur penanda wacana yang digunakan oleh pengucap dalam teks ucapan Belanjawan 2019. Penghubung penambahan, adverbs tujuan dan adverbs manfaat dilihat sebagai tiga unsur penanda wacana yang kerap digunakan dalam usaha pembikinan teks ucapannya. Namun begitu, teks ucapan ini juga sarat dengan pengemblengan beberapa unsur penanda wacana lain. Kolaborasi beberapa unsur penanda wacana telah menunjukkan bahawa penghubung memainkan peranan penting dalam memastikan ketekstualan ucapan Belanjawan 2019 dan seterusnya dapat mewujudkan makna yang kontekstual, tersusun dan mudah diterima oleh pengguna bahasa.

Katakunci: Penanda wacana; Adverbs anafora; Teks ucapan; Nahu fungsian; Belanjawan 2019